

# Fesyen terkini Muslimah mesti patuhi syariat

Pada masa ini, pelbagai fesyen tudung dan pakaian Muslimah diperkenalkan dan berkembang maju dengan pelbagai warna dan corak. Tetapi, amat menyedihkan kerana ada sebahagiannya tidak mematuhi apa dituntut syariat. Kononnya, trend terkini boleh menarik Muslimah menutup aurat, hakikatnya bukan menutup, tetapi membalut tubuh.

Trend ini kononnya *up-to-date* dan sekiranya tidak mampu mengikut jubah dan tudung diperkenalkan dikatakan ketinggalan zaman. Kebanyakannya membalut tubuh Muslimah dianggap cantik dan mempesona, labuh dan menutup segala aset penting, tetapi masih terdedah dan di-

anggap telanjang kerana membentuk tubuh. Inilah dikatakan dunia akhir zaman.

Rasulullah SAW menyeru wanita Islam menutup aurat yang membawa maksud bentuk tubuh dan lenggok tubuh tidak dapat dipandang ajnabi bukan hanya membalut tubuh yang boleh memperlihatkan bentuk kepada ajnabi. Hikmah menutup aurat adalah untuk mengelak daripada berlaku fitnah dan dapat melarikan pandangan mata-mata liar.

## Terikut-ikut gaya selebriti

Ramai wanita mudah terikut-terikut dengan fesyen ditampilkan selebriti dan tidak memikirkan apa yang dipakai mematuhi apa dituntut syariat atau tidak.



Wanita Muslimah dituntut **berpakaian menutup aurat**, termasuk bentuk badan.

Tahukah kita bahawa penyumbang terbesar kepada berlakunya gejala sosial seperti pembuangan bayi, rogol, anak luar nikah dan seumpamanya berpunca daripa-

da kaum Hawa?

Melalui pemerhatian, kerana pakaian ditampilkan tidak mematuhi syariat itulah boleh berlakunya perkara ini kerana mata-

mata liar yang tidak mampu menahan diri untuk melakukan sesuatu yang tidak wajar kepada apa yang dilihat. Dunia akhir zaman ini, kita harus mematuhi apa dituntut Islam dengan sempurna supaya kita dapat mengelak diri daripada berlaku apa yang tidak diinginkan.

Kepada kaum Hawa, pakai pakaian yang dituntut syariat dan tutuplah aurat dengan sempurna supaya dapat mengelak dan mengurangkan berlaku sesuatu yang tidak diinginkan, di samping meraih reda Allah SWT.

## Tidak tutup aurat

Sesungguhnya peluh yang keluar daripada tubuh badan kaum Hawa untuk menutup aurat di kira pahala.

Kepada pereka fesyen Muslimah, pastikan pakaian dihasilkan dituntut syariat sebelum memperkenalkannya.



**Nurihan Hasdi,**  
Universiti Sains  
Islam Malaysia